

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA**  
**KAWASAN : BAKRI**  
**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan menyenaraikan butiran perbelanjaan dan pendapatan terperinci yang telah diperolehi daripada projek menanam 500,000 pokok jati di beberapa lokasi tertentu di sepanjang lebuh raya PLUS sejak tahun 1992.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod terkini PLUS, terdapat kira-kira 50,000 batang pokok jati di sepanjang lebuh raya PLUS pada ketika ini iaitu kira-kira 25,000 di Wilayah Utara, 10,000 di Wilayah Tengah dan 15,000 di Wilayah Selatan.

Jumlah tersebut diperolehi setelah mengambilkira pokok-pokok jati yang pada mulanya ditanam kurang daripada 9 meter dari bahu jalan yang terpaksa ditebang kerana ia mendatangkan bahaya kepada pengguna lebuh raya. Selain daripada itu, kira-kira 30 peratus hingga 40 peratus daripada jumlah pokok jati yang ditanam di lebuh raya terpaksa dibuang atau ditebang kerana ia telah rosak dan tiada nilai komersil.

Untuk makluman, PLUS memperuntukkan kira-kira RM350,000 setiap tahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan pokok jati di sepanjang lebuh raya. Ia meliputi kerja-kerja mencantas dahan pokok, membuang tunas baru, menebang pokok-pokok yang membahayakan pengguna lebuh raya dan kerja-kerja pembajaan.

Sehingga kini, PLUS masih belum menjual atau meraih keuntungan ke atas pokok-pokok jati yang ditanam di lebuh raya.

Sekian. Terima kasih.